

AKHBAR : BERITA HARIAN
TARIKH : 16 JANUARI 2023
SENTIMEN : POSITIF

MUKA SURAT : ONLINE
HARI : ISNIN



BERITA SUKAN DUNIA HIBURAN BISNES RENCANA WANITA Hujung Minggu BH Kapsul Radio

Hadiah tunai hampir RM500,000 menanti 138 pemenang Cabutan WOW! Simpan SSPN 2023

Januari 16, 2023 @ 9:06pm



Abdul Razak (tengah) pada Majlis Pelancaran Cabutan WOW! Simpan SSPN 2023, hari ini. - NSTP/ SAIFULLIZAN TAMADI

KUALA LUMPUR: Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) hari ini melancarkan kempen Cabutan WOW! Simpan SSPN 2023 dengan menawarkan hadiah wang tunai dengan nilai keseluruhan hampir RM500,000 kepada 138 pemenang.

Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Abdul Razak Jaafar, berkata cabutan kali ini terdiri daripada Cabutan Tahunan yang bermula 1 Januari hingga 31 Disember 2023 serta lima Cabutan Siri.

"Lima Cabutan Siri ialah WOW! Gong Xi Ang Pow bermula 1 Januari hingga 28 Februari; WOW! Syoknya Raya (1 Mac hingga 31 Mei); serta WOW! Merdeka (1 Jun hingga 31 Ogos).

"Cabutan Siri ini diteruskan dengan WOW! Superheroes (1 September hingga 31 Oktober) dan WOW! Y.E.S 2023 (1 November hingga 31 Disember)," katanya ketika berucap pada Majlis Pelancaran Cabutan WOW! Simpan SSPN 2023, di sini, hari ini.

Bagi pendeposit yang ingin menyertai kempen itu, Abdul Razak berkata, mereka hanya perlu membuka akaun atau membuat penambahan simpanan dalam Skim Simpanan Pendidikan Nasional (Simpan SSPN) dalam tempoh kempen.

"Setiap RM100 bagi Simpan SSPN Prime yang disimpan dalam tempoh kempen itu akan layak satu cabutan, manakala RM50 bagi Simpan SSPN Plus pula akan layak dua cabutan secara automatik," katanya.

Dalam pada itu, beliau turut menyarankan pelanggan PTPTN untuk memuat turun aplikasi myPTPTN di Google Playstore, Apple Appstore dan Huawei AppGallery bagi memudahkan transaksi serta berpeluang menerima cabutan berganda dalam tempoh kempen berlangsung.

"Pendeposit Simpan SSPN Prime yang membuat simpanan RM100 menerusi myPTPTN, akan mendapat lima cabutan, manakala pendeposit Simpan SSPN Plus yang membuat simpanan RM50 melalui myPTPTN pula 10 cabutan," katanya.

Mengulas lanjut, Abdul Razak berkata, PTPTN sentiasa komited menggalakkan amalan penabungan selaras Teras Pertama dalam Pelan Strategik PTPTN 2021-2025 untuk menjadikan Simpan SSPN produk simpanan pendidikan utama di Malaysia.

"Simpan SSPN terus berada di landasan kukuh sebagai produk simpanan berdaya saing dan setanding produk simpanan lain dalam pasaran, dengan pelbagai keistimewaan serta manfaat disediakan," katanya.

Seterusnya, Abdul Razak memaklumkan setakat 31 Disember tahun lalu, PTPTN telah merekodkan RM14.24 bilion jumlah deposit Simpan SSPN dengan bilangan akaun berjumlah 5.73 juta.

Selain itu, beliau turut menyampaikan sijil penghargaan kepada lima rakan strategik bagi kerjasama 2022, sebagai simbolik kejayaan kolaborasi dalam memperkasa dan memupuk budaya penabungan melalui Simpan SSPN.

Antara penerima sijil itu ialah Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Kerajaan Sabah, Yayasan Veteran ATM (YVATM), Kao Laurier Malaysia dan Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB).

"PTPTN sentiasa menggalakkan pembabitan rakan strategik dalam memperkasakan penabungan melalui Simpan SSPN. Kolaborasi daripada semua agensi kerajaan mahupun korporat yang berminat amat dialu-alukan sebagai penyumbang kepada akaun Simpan SSPN," katanya.

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/01/1052783/hadiah-tunai-hampir-rm500000-menanti-138-pemenang-cabutan-wow-simpan>